

SAYA JUGA SAYANGKAN BAHASA DAN BANGSA

U.M. 19 SEP 1992

Saudara Pengarang:

TERNAMPAK benar Kumpulan Utusan tidak senang hati dengan pendirian saya berkenaan bahasa Inggeris. Sudah dua kali *Utusan* membedil saya dalam Rencana Pengarang dan pojok tulisan Awang Selamat.

Tetapi nampaknya *Utusan* sendiri agak keliru tentang pendiriannya sendiri. Di satu pihak *Utusan* ingin bahasa kebangsaan digunakan sepenuhnya, tetapi *Utusan* juga akui akan pentingnya bahasa Inggeris.

Lebih daripada itu, penulis pojok *Utusan* menggunakan perkataan-perkataan Inggeris, bahkan menterjemahkan perkataan Melayu ke bahasa Inggeris. Dengan sendirinya ini menunjukkan pengakuan oleh *Utusan* bahawa bahasa Melayu tidak begitu jelas kepada pembaca *Utusan*. Oleh itu terjemahan kepada bahasa Inggeris dibuat untuk menjelaskan maksud Awang berkenaan dengan perkataan dalam bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan.

Hujah-hujah yang dikemukakan oleh pengarang *Utusan* tidak kukuh. Umpamanya, oleh kerana saya berkata kita tidak harus mengikut teladan negara maju, maka *Utusan* mengalih pendekatan ini dengan berkata kita juga tidak harus mengikut teladan negara membangun. Justeru itu, jika Indonesia menggalakkan penggunaan dan pembelajaran bahasa Inggeris, kita tidak semestinya meneladaninya.

Sebenarnya teladan negara maju yang kita tidak ingin mengikut terhad kepada *morality* dan beberapa isu sahaja, bukan semua.

Melanjutkan sesuatu hujah kepada isu yang lain tidak selalunya logik. Indonesia disebut sebagai teladan kerana penguasaan mereka dalam bahasa Inggeris meningkat dengan cepat. Jika dahulu dalam woksypop persidangan antarabangsa, pegawai-pegawai Malaysia sering diminta membuat draf dokumen persidangan dalam bahasa Inggeris, tetapi hari ini kerap kali pegawai Indonesia yang membuat draf.

Saya bukan sahaja ditemuramah oleh TV Indonesia dalam bahasa Inggeris, tetapi juga oleh majalah *Tempo* dan pemberita-pemberita Indonesia yang lain. Saya percaya saya mampu berbahasa Indonesia sekurang-kurangnya untuk menjawab soalan, tetapi dalam satu sidang akhbar pemberita-pemberita Indonesia masih menggunakan bahasa Inggeris bila menyoal saya.

Pembohongan

Dakwaan oleh *Utusan* (laporan wakilnya di Indonesia) bahawa saya meminta untuk bercakap dalam bahasa Inggeris semasa ditemuramah oleh TV Indonesia (RCTI) adalah satu pembohongan.

Sebenarnya saya telah bertanya kepada pihak televisyen itu mengapa mereka membuat temuramah dalam bahasa Inggeris. Jawapan mereka ialah supaya perwakilan NAM juga dapat memahaminya.

Dalam taklimat yang panjang untuk para wakil NAM di Industri Pesawat Terbang Nasional (IPTN), Indonesia, Pak Habibie, Menteri Penyelidikan dan Teknologi dan *insenyur-insenyurnya* menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya tanpa terjemahan dalam bahasa-bahasa lain. Tetapi wakil-wakil NAM yang hadir terdiri daripada mereka yang bahasa kebangsaan mereka bukan bahasa Inggeris. Mungkin mereka lebih fasih dalam bahasa Perancis.

Utusan mempertikai keikhlasan saya berkenaan bahasa Melayu, tetapi dalam hati kecil saya, saya berasa saya sama dengan Utusan dalam menyayangi bahasa sendiri

saya menyemak dan menyemak berkali-kali dan saya kerap juga ditegur oleh penolong-penolong saya untuk menentukan supaya bahasa yang baik digunakan.

Sebelum pun *Utusan* berminat dalam bidang bahasa Inggeris, saya sudah menulis dalam akhbar *Sunday Times* sebelum merdeka tentang pentingnya bahasa Melayu. Bersama-sama dengan orang Melayu lain, saya turut berjuang untuk mempertahankan bahasa Melayu.

Di zaman itu, bahasa Inggeris terpaksa digunakan untuk mempertahankan dan memperjuangkan bahasa Melayu. Perjuangan dalam bahasa Melayu tidak berkesan kerana yang berkuasa ialah orang Inggeris yang hanya faham berbahasa Inggeris. Hanya beberapa kerat sahaja, umpamanya Winstedt, yang faham bahasa Melayu.

Walaupun Awang dan pengarang *Utusan Malaysia* mempertikaikan keikhlasan saya berkenaan bahasa Melayu dan bahasa kebangsaan, tetapi dalam hati kecil saya, saya berasa saya sama dengan *Utusan* dalam menyayangi bahasa sendiri.

Saya tidak bersetuju dengan orang yang menggunakan bahasa Inggeris dalam perhimpunan orang Malaysia yang faham bahasa Malaysia. Tetapi seperti Awang menterjemahkan perkataan Melayu ke bahasa Inggeris supaya pembaca lebih faham, saya juga kadangkala apabila disoal dalam bahasa Inggeris di sidang yang terhad kepada orang Malaysia, saya menjawab dalam bahasa Inggeris. Kadangkala saya menjawab dengan bahasa bercampur-campur.

Demikian juga apabila menteri berhadapan dengan hadirin yang semuanya atau sebahagian besarnya boleh berbahasa Inggeris, tetapi ramai yang tidak faham bahasa kebangsaan, jawapan yang mempunyai kepentingan negara, terpaksa dibuat dalam bahasa Inggeris.

Bagaimanapun, daripada angguk-angguk mereka, dipercayai mereka tidak sukar memahami bahasa Inggeris. Saya yakin jika taklimat itu diberi dalam bahasa Indonesia, mereka mungkin tercengang.

Bahawa ucapan saya di NAM tidak disiarkan oleh akhbar bahasa Indonesia bukan kerana mereka tidak faham bahasa Inggeris. Terjemahan serentak dalam bahasa Indonesia yang baik telah diberikan oleh pakar bahasa Indonesia yang menjadi jurubahasa.

Lagi pun ucapan wakil-wakil lain dalam bahasa bukan Melayu dan bukan Indonesia disiarkan dengan sepenuhnya oleh akhbar Inggeris dan Indonesia.

Soal tidak faham tidak timbul. Masalahnya ialah saya berucap pada hari pertama, hari Pak Suharto berucap sebagai pengerusi sidang. Akhbar Indonesia perlu memberi ruang kepada Pengerusi NAM. Demikian juga di Malaysia saya mendapat ruang yang besar dan Pak Suharto tidak.

Saya ucapkan terima kasih kepada Awang kerana mengangap saya sama fasih dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Sebenarnya saya tidak fasih berbahasa Inggeris, hanya baik sedikit daripada *average*. Banyak kesilapan *grammar* yang dibuat oleh saya semasa soal-jawab dengan pemberita.

Siapa yang merakam sidang akhbar itu boleh semak balik rakaman mereka, untuk menentukan benar atau tidak dakwaan saya ini.

Sebaliknya saya hanya boleh bercakap loghat Kedah apabila bertutur tanpa teks dalam bahasa Malaysia. Jika disemak laporan akhbar *Utusan*, setiap kali menemuramah saya jelas sekali bahawa bahasa kebangsaan saya kurang baik. Hanya bila menulis

Suka atau tidak

Penggunaan bahasa Inggeris bukan kerana kita dijajah oleh mereka. Sama ada kita suka atau tidak, bahasa Inggeris sudah menjadi bahasa antarabangsa. Sebab itu Jepun, yang di zaman *South East Asia Co-prosperity Sphere* cuba memperluaskan kegunaan Nippon-go secara eksklusif, hari ini terpaksa menguasai bahasa Inggeris.

Hanya 100 tahun dahulu bahasa antarabangsa dan bahasa diplomatik ialah bahasa Perancis. Demikianlah status mereka yang fasih dalam bahasa Perancis sehingga keluarga Czar Russia pun menggunakan bahasa Perancis sebagai bahasa istana dan keluarga di raja. Mereka membelakangkan bahasa Russia, bahasa ibunda mereka.

Sudah tentu jika Malaysia merdeka pada masa itu kita mungkin menggalakkan pembelajaran bahasa Perancis sekurang-kurangnya oleh duta-duta kita. Duta-duta Siam dahulu mempelajari dan menggunakan bahasa Perancis dengan baik.

Kita tidak perlu berasa terjajah apabila kita mempelajari atau menggunakan bahasa Inggeris. Antara menterjemah berjuta-juta buku, jurnal dan laporan kajian daripada bahasa Inggeris ke bahasa kebangsaan untuk menimba ilmu asing, dengan menguasai bahasa Inggeris untuk menimba ilmu yang terdapat dalam bahasa Inggeris, proses yang lebih cepat dan lebih mudah ialah dengan mempelajari bahasa Inggeris.

Untuk menterjemah tulisan ilmiah, kita bukan sahaja memerlukan penterjemah yang fasih dalam dua bahasa tetapi juga yang pakar dalam ilmu berkenaan. Memandangkan bahawa kita tidak

mempunyai ramai yang berkecukupan ini, dan tenaga dan masa mereka diperlukan untuk tugas-tugas lain, proses penterjemahan segala ilmu yang ada dalam bahasa Inggeris akan mengambil masa berpuluh-puluh, malah beratus-ratus tahun.

Tak dapat tunggu

Kita harus meneruskan juga usaha ini, tetapi kita tidak dapat menunggu penyempurnaan usaha ini kerana kita ingin mengejar bangsa-bangsa lain yang sudah maju.

Lagipun untuk menterjemahkan semua ilmu ini kita perlu menggalakkan orang kita mempelajari dengan mendalam bahasa Inggeris. Dapatkah kita menentukan daripada bangku sekolah lagi siapa yang akan menjadi penterjemah dan kemudian melatih mereka sahaja?

Mungkin ada kes bagi menentang iklan dalam bahasa Inggeris, tetapi jika yang lain-lain juga dihentikan, ia akan mempunyai kesan terhadap penguasaan bahasa itu

Jika pendekatan ini menjadi pilihan, sekali lagi kita tidak dapat mengelakkan daripada memberi pelajaran bahasa Inggeris kepada seberapa ramai orang yang boleh. Sebahagian besar daripada mereka tidak perlu fasih kerana mereka bukan akan menjadi penterjemah, atau duta atau pelajar dalam ilmu yang belum diterokai dan diterjemah secara menyeluruh oleh orang Melayu. Mereka hanya akan memasuki bidang-bidang yang tidak perlu menggunakan bahasa Inggeris.

Hakikatnya ialah apa juga pendekatan yang dipilih, bahasa Inggeris perlu dipelajari dan bagi mereka dengan tugas-tugas tertentu perlu dikuasai dengan baik. Kita juga harus bertanya mengapa dahulu bahasa Perancis diiktiraf sebagai bahasa antarabangsa dan kemudian digantikan dengan bahasa Inggeris.

Di zaman sebelum bahasa Inggeris berkembang, bangsa Perancis dianggap bertamadun tinggi. Perancis kaya dan kuat daripada segi ketenteraan. Keluarga diraja Perancis dan rajanya menjadi simbol bagi tamadun Eropah. Dengan itu, bahasa Perancis menjadi *universal* kerana kejayaan dan kemajuan bangsa Perancis.

cadangan supaya berita bahasa Inggeris, ucapan dalam bahasa Inggeris dan bermacam-macam lagi dalam bahasa Inggeris juga harus dihentikan.

Mungkin ada kes bagi menentang iklan dalam bahasa Inggeris, tetapi jika yang lain-lain juga dihentikan, ia akan mempunyai kesan terhadap penguasaan bahasa itu.

Kefasihan menggunakan apa-apa bahasa bergantung kepada kerapnya bahasa itu digunakan atau sekurang-kurangnya didengari. Jika kita tidak berlatih atau tidak mendengar sama sekali bunyi bahasa Inggeris kita tidak akan dapat mengelak daripada salah menyebut perkataan-perkataannya.

Apabila kita salah bertutur, orang lain tidak akan faham dan kita akan berasa bersalah dan akan malu untuk menggunakan bahasa asing ini. Orang Melayu terutamanya mudah terasa malu dan segan menggunakan bahasa asing.

Daripada keputusan peperiksaan sekolah, murid Melayu amat lemah dalam bahasa Inggeris. Murid bukan Melayu yang perlu menguasai tiga bahasa didapati lebih berjaya menguasai bahasa Inggeris.

Saya khuatir suatu hari nanti orang Melayu terpaksa bergantung kepada bukan Melayu sebagai jurubahasa apabila bercakap dengan orang asing dalam urusan kerajaan dan perniagaan. Ketika itu kita tidak boleh berasa kecewa jika kita tidak tahu sama ada terjemahan itu tepat atau tidak.

Orang bukan Melayu sanggup salah bercakap kerana mereka mahu mengejar kejayaan bagi diri mereka. Akhirnya orang Melayu ketinggalan di dalam negeri dan di peringkat antara-bangsa. Hanya dalam penggunaan bahasa sendiri sahaja mereka akan menjadi juara, tetapi sebagai satu bangsa mereka tidak berjaya.

Teguran

Hujah ini akan menarik teguran apakah tanpa bahasa Inggeris orang Melayu tidak boleh berjaya. Apa kurangnya bahasa Melayu? Tidakkah kita sudah boleh menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar kerana kita sudah pun menggunakannya di peringkat universiti dan selepas universiti?

Hakikatnya ialah bahasa Melayu yang menjadi bahasa pengantar pelajaran tinggi bukan bahasa Melayu tulen. Ia mengandungi ribuan perkataan teknikal dan saintifik yang dipinjam daripada bahasa Inggeris. Dapatkah kita meminjam jika tidak ada orang Melayu yang fasih berbahasa Inggeris? Dan apakah bahasa kita tidak perlu meminjam perkataan-perkataan yang baru dicipta?

Jika kita hanya lulus melalui bahasa Melayu yang sedia ada, dan tidak faham bahasa Inggeris, dapatkah kita menimba ilmu baru yang tidak diterokai oleh pakar-pakar kita? Tanpa ilmu baru yang diterokai oleh orang asing dan tanpa pengetahuan bahasa asing, apakah kita dapat meningkatkan pengetahuan kita selaras dengan pertumbuhan ilmu?

Sebenarnya bahasa Inggeris bukan berasal semata-mata daripada bahasa orang Inggeris. Mereka menguasai ilmu melalui bahasa Latin, Greek dan Arab. Bahasa Inggeris tulen semata-mata tidak mampu mengembangkan ilmu yang diterokai oleh orang Greek, Roman dan Arab.

Orang Inggeris dahulu terpaksa belajar bahasa Latin dan bahasa-bahasa lain. Setelah mempelajari mereka meminjam perkataan-perkataan dalam bahasa-bahasa ini dan mereka *Anglicisekan*, sama seperti kita memelayukan bahasa Portugis, Inggeris, Arab, Parsi, Sanskrit dan bahasa-bahasa lain.

Mereka hari ini tidak lagi perlu belajar bahasa Latin dan Greek kerana orang ini sudah tidak maju lagi. Demikian juga kita hanya perlu mempelajari bahasa Arab dan Inggeris sahaja dan tidak Portugis, Parsi dan Sanskrit kerana bahasa ini sudah tidak penting lagi dalam dunia kita.

Jelaslah bahawa evolusi bahasa Inggeris adalah sama dengan

Kemudian Inggeris, yang sudah menguasai Scotland, Wales dan Ireland, telah berjaya mendirikan sebuah empayar yang terbesar dalam sejarah manusia. Orang Inggeris yang menjajah wilayah-wilayah di Amerika Utara, West Indies, sebahagian Amerika Tengah, Afrika, Timur Tengah dan Asia, memulakan pengaruh dan kuasa mereka dengan mempelajari bahasa tempatan. Apabila mereka sudah dapat menguasai keadaan, mereka berusaha mengembangkan bahasa mereka untuk memudahkan pentadbiran mereka.

Perancis juga mendirikan empayar tetapi tidak sebesar British. Dengan itu bahasa Inggeris diketahui dan dikenali oleh lebih ramai penduduk dunia ini. Sekali lagi yang menyebabkan bahasa Inggeris berkembang sehingga menggantikan bahasa Perancis ialah kejayaan British, termasuk dalam bidang industri dan ilmu. Tanpa kemajuan dan kemajuan bangsa, bahasa tidak akan berkembang.

Jika kita ingin mengembangkan bahasa Malaysia caranya bukan dengan menyekatkan penggunaan bahasa Inggeris tetapi dengan orang Melayu sendiri mengejar kemajuan dan kejayaan. Bahasa petani dan nelayan miskin tidak akan berkembang walau bagaimana halus dan tinggi bahasa mereka.

Bagaimanapun, bahasa bangsa Melayu yang maju, berjaya, berilmu, berkemampuan dalam semua bidang, berkebolehan tinggi dalam bidang politik, ekonomi dan pentadbiran, akan dipelajari dan digunakan bukan sahaja oleh orang Melayu tetapi juga oleh orang lain.

Yang mana dulu?

Justeru itu, kita harus menentukan yang mana yang patut kita utama dan dahulukan, kebangsaan bahasa atau kebangsaan bangsa. Kita tidak disuruh gugurkan bahasa. Tetapi kita tidak harus terlalu fanatik berkenaan dengan kefasihan dan keutamaan bahasa sehingga kita sukar menuntut ilmu untuk memajukan bangsa kita dalam dunia yang penuh persaingan.

Bagi saya, untuk memajukan bahasa, kita harus memajukan bangsa dahulu. Ini adalah kerana keutamaan mutlak kepada bahasa mungkin melambatkan kemajuan bangsa Melayu. Kemunduran mereka mungkin mengecewakan mereka sehingga mereka sendiri akan hilang kebanggaan terhadap bahasa mereka.

Debat ini bermula dengan cadangan supaya iklan dalam bahasa Inggeris dihentikan. Pihak lain menyusul dengan

evolusi bahasa Melayu.

Saya yakin jika bahasa Arab menjadi bahasa antarabangsa, hari ini kita akan mempelajari bahasa Arab. Tetapi hari ini bahasa Inggeris yang menjadi bahasa antarabangsa. Justeru itu, kita mempelajari bahasa Inggeris.

Bila maju kelak

Apabila orang Melayu sudah begitu maju dan menguasai semua ilmu serta berjaya menerokai bidang-bidang baru yang belum diterokai oleh orang lain, kita tidak perlu lagi menggunakan bahasa lain. Kita sendiri akan mencipta perkataan-perkataan baru, mungkin yang berasal daripada bahasa bukan Melayu, dan orang lain pula akan mempelajari bahasa Melayu untuk menguasai ilmu yang diterokai oleh orang Melayu.

Tetapi hari ini kita jauh daripada tahap itu. Justeru itu, tidaklah salah jika kita menggunakan bahasa lain untuk memajukan bangsa kita. Apa juga bahasa boleh kita belajar. Tetapi yang mudah dan sesuai ialah bahasa Inggeris.

Inilah pendapat saya. Saya yakin ramai tidak akan bersetuju, tetapi ini adalah naluri manusia.

Saya sayang bahasa Melayu, bahasa ibunda saya. Jika hari ini saya ternampak lebih sayang kepada bangsa saya, sebabnya ialah kerana saya percaya hanya dengan menjayakan bangsa saya, barulah dapat saya selamatkan bahasa ibunda saya.

Pepatah Melayu berkata, "Biar mati anak, jangan mati adat". Pepatah ini mencerminkan pegangan secara fanatik kepada adat. Tetapi daripada segi logik, jika anak sudah mati, adat tidak mungkin hidup.

Salam hormat. — DR. MAHATHIR MOHAMAD.